

09 MAY 1998

DR MAHATHIR LANCAR "DANA UNTUK MALAYSIA" PADA 24 MEI INI

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan "Dana Untuk Malaysia", satu lagi lagi tabung untuk membantu memulihkan ekonomi negara, di Dataran Merdeka pada 24 Mei ini.

Dana anjuran Pemuda Barisan Nasional (BN) itu adalah yang ketiga selepas Dana Khas Negara dan Tabung Ehsan Wanita yang kemudiannya menjadi Amanah Saham Wanita (Asnita).

Ketua Pemuda BN dan Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata pada majlis pelancaran itu nanti, Perdana Menteri akan menerima cek-cek sumbangan wakil pergerakan pemuda parti komponen BN dan kanak-kanak sekolah.

"Pelancaran dana ini adalah langkah terbaru Pemuda BN bagi mengumpul wang membantu ekonomi negara," katanya selepas menghadiri mesyuarat khas Pergerakan Pemuda BN yang dipengerusikan Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat, di sini, hari ini.

Ahmad Zahid berkata pada majlis pelancaran itu, sebuah Proton Wira 1.5 yang telah dibawa terjun oleh para peserta ekspedisi negara di Kutub Utara bulan lepas akan dipamerkan buat pertama kali kepada umum selepas kejayaan mereka.

Majlis itu juga akan dimeriahkan dengan pertunjukan payung terjun oleh 16 penerjun daripada pasukan Ekspedisi Terjun Bebas Kutub Utara itu, katanya.

-- BERNAMA

NY NAK